

PARLIMEN: Malaysia Kurangkan Import HCFC Mulai Tahun Depan
Bernama
11 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Malaysia akan mula mengurangkan kuota import bahan hidroklorofluorokarbon atau HCFC mulai 1 Jan tahun depan, Dewan Rakyat diberitahu.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Tan Sri Joseph Kurup berkata langkah itu selaras dengan komitmen negara untuk melarang penggunaan dan import HCFC bermula 2030.

"Ia juga sejajar dengan obligasi Malaysia kepada 'Protokol Montreal mengenai bahan-bahan pemusnah lapisan ozon'," katanya ketika menjawab soalan lisan Datuk Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat Khamis.

Bahan yang banyak digunakan dalam sistem pendinginan itu memberi impak negatif terhadap lapisan ozon yang melindungi manusia, haiwan dan tumbuhan daripada bahaya sinar ultraviolet matahari.

Menjawab soalan tambahan Noraini berhubung pencapaian Malaysia dalam usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG), Kurup berkata negara setakat ini mencapai 71 peratus sasaran pengurangan 40 peratus GHG menjelang 2020.

"Jumlah kumulatif pengurangan ialah 27.2 juta tan metrik berbanding sasaran 38 juta tan metrik (menjelang 2020)," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701279>